

PBAKL 2023 sasar jadi pesta buku berdaya di Asia Tenggara

(23 Mei 2023) BH, P18

Penganjuran Pusat Dagang Hak Cipta ASEAN antara 10 acara bermula Jumaat ini hingga 4 Jun

Oleh Nazmi Yaakub
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2023 yang bakal berlangsung di Pusat Dagangan Dunia (PWC) Kuala Lumpur di sini, bermula Jumaat ini hingga 4 Jun, menyasarkan kedudukan sebagai Hab Sehenti Pesta Buku Antarabangsa dalam kalangan negara ASEAN, sekali gus menjadi pesta buku paling berdaya di Asia Tenggara.

Urus Setia Tetap Majlis Buku

Kebangsaan Malaysia (MBKM), Mohd Khair Ngadiron, berkata dalam rangka mencapai sasaran itu, PBAKL 2023 akan menjenamakan semula fungsi Pusat Dagangan Hak Cipta Kuala Lumpur sebagai Pusat Dagang Hak Cipta ASEAN.

Mohd Khair berkata, penganjuran Pusat Dagang Hak Cipta ASEAN itu turut menjadi satu daripada 10 keterujaan PBAKL 2023, selain mewujudkan tiga pempamer tamu, iaitu China sebagai Negara Tamu; Sarawak (Negeri Tamu) dan Kementerian Pendidikan (Kementerian Tamu).

Projek terjemahan Asia

“Kita mengambil China bukan sahaja sebagai lanjutan hubungan baik antara Malaysia dengan negara itu yang diperkukuh dengan lawatan rasmi Perdana Menteri sebelum ini, bahkan meningkatkan budaya buku antara kedua-dua negara.

“Oleh itu, kita akan mewujudkan projek terjemahan Asia, iaitu China akan menterjemah

karya agung Malaysia dan Malaysia pula akan menterjemah karya klasik China,” katanya kepada BH di sini, semalam.

Mohd Khair berkata, ia juga akan meneruskan hubungan antara kedua-dua negara dalam strata atau tingkat kedudukan yang sama.

“Ini juga ruang untuk Malaysia menonjolkan budaya kita yang bersifat universal dan boleh dibawa ke luar,” katanya.

Beliau berkata, antara keterujaan PBAKL 2023 juga adalah penerusan pesta buku hibrid yang menggabungkan penganjuran secara fizikal dan dalam talian kerana kita mahu menambah jumlah pembaca buku.

“Justeru, kita bukan hanya meneruskan tradisi pesta buku untuk warga Kuala Lumpur dan Lembah Klang, bahkan buku akan ‘pergi’ ke semua lapisan masyarakat dan lokaliti di negara ini, sekali gus memberi peluang kepada mereka menikmati tawaran dalam PBAKL 2023,” katanya.



Penganjuran PBAKL 2023 adalah kali kedua ia diadakan secara fizikal selepas tidak dapat berbuat demikian pada 2020 dan 2021 ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha membendung penularan pande-

mik COVID-19. Pada tahun lalu, lebih 1.3 juta pengunjung direkodkan sepanjang 10 hari berlangsung.

PBAKL 2023 bakal dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Sabtu ini.